

Indikator, Prospek dan Cabaran Masjid Dalam Membangunkan Modal Insan Berintegriti: Satu Kajian Kes di Negeri Johor

Indicators, Prospects and Challenges Faced by Mosque in Developing Integrity-Based Human Capital: A Case Study in Johore

Fadzil Sohar¹

Mohd Farhan Md Ariffin²

Ibrahim Adham Mohd Rokhibi³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis indikator, prospek dan cabaran yang dihadapi oleh Masjid Negeri Johor dalam usaha membangunkan modal insan berintegriti. Masjid sebagai institusi penting dalam komuniti Islam memainkan peranan signifikan dalam pembentukan nilai-nilai moral dan integriti individu. Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual mendalam dan analisis dokumen bagi mendapatkan data yang relevan. Hasil kajian mendapati bahawa Masjid Negeri Johor telah melaksanakan pelbagai program seperti ceramah agama, kelas pengajian al-Quran dan aktiviti kemasyarakatan bertujuan memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kekurangan sumber kewangan, kurangnya penglibatan generasi muda dan isu kepimpinan masjid. Walaupun demikian, kajian ini juga mengenal pasti prospek yang positif seperti sokongan daripada kerajaan negeri dan potensi kerjasama strategik dengan institusi pendidikan serta badan bukan kerajaan. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan yang lebih inklusif dan inovatif diterapkan untuk memastikan keberkesanan program pembangunan modal insan berintegriti di masjid. Implikasi kajian ini memberikan panduan kepada pengurusan masjid dan pihak berkepentingan dalam memperkukuhkan peranan institusi masjid sebagai agen perubahan sosial.

Kata kunci: Masjid Negeri Johor, modal insan, integriti, pembangunan masyarakat, cabaran

ABSTRACT

This study aims to analyze the indicators, prospects and challenges faced by the Johor State Mosque in an effort to develop human capital with integrity. The mosque as an important institution in the Islamic community plays a significant role in the formation of moral values and individual integrity. This case study uses a qualitative approach with in-depth interviews and document analysis to obtain relevant data. The results of the study found that the Johor State Mosque has implemented various programs such as religious talks, Quran study classes and community activities that aim to strengthen the value of integrity in the community. However, there are several key challenges identified, including lack of financial resources, lack of involvement of the younger generation and mosque leadership issues. Despite this, this study also identified positive prospects such as support from the state government and potential strategic collaboration with educational institutions and non-governmental organizations. This study suggests that a more inclusive and innovative approach be applied to ensure the effectiveness of human capital development programs with integrity in mosques. The implications of this

¹ Calon Sarjana, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia, p106142@siswa.ukm.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia, farhan.ariffin@ukm.edu.my

³ Calon PhD, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia, p125738@siswa.ukm.edu.my

study provide guidance to mosque management and stakeholders in strengthening the institutional role of the mosque as an agent of social change.

Keyword: *Johor State Mosque, human capital, integrity, community development, challenges*

PENDAHULUAN

Modal insan ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka menjadi lebih produktif. Modal ini tidak boleh dipindahkan daripada seseorang kepada seseorang yang lain, tetapi seseorang perlu melabur untuk mendapatkannya.⁴ Ia dibentuk atau dipupuk melalui pelaburan terhadap pendidikan, latihan sebelum dan semasa bekerja, kesihatan, penghijrahan, dan usaha mencari maklumat yang dapat meningkatkan taraf hidup seseorang.⁵ Dalam erti kata yang lain, modal insan adalah aset berharga yang ada dalam diri seseorang individu yang menjadikannya berbeza dengan individu lain. Ia juga merujuk sebagai asas masyarakat untuk maju, berdiri teguh dan mencapai aspirasinya. Integriti pula lebih menjurus kepada kejujuran, ketulusan, kesempurnaan atau jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh dipegang cakupannya dan lain-lain.⁶

Peranan modal insan berintegriti menjadi semakin penting dalam abad ke-21. Hal ini kerana perkembangan ekonomi semasa banyak bergantung kepada tenaga manusia yang memiliki ilmu dan kemahiran tinggi.⁷ Secara lazim, modal insan hanya memusatkan manusia sebagai aset yang boleh dikerah dan dimanipulasi agar dapat mencapai matlamat dan objektif ekonomi Barat yang bersifat kebendaan semata-mata.

Dari sudut pandang Islam, Rasulullah SAW merupakan insan kāmīl yang sempurna akhlaknya, perilaku dipelihara oleh Allah SWT dan maktum daripada melakukan perkara-perkara maksiat. Rasulullah SAW juga memberikan gambaran integriti perlu ada dalam diri seseorang yang mengaku beriman kepada Allah dan hari Akhirat menerusi sifat *itqān* iaitu bersungguh-sungguh mengerjakan sesuatu perkara kerana sifat ini sangat dicintai oleh Allah SWT.⁸

Modal insan yang baik dapat mencorakkan hala tuju dan matlamat sesebuah institusi. Kejayaan sesebuah institusi bergantung kepada kualiti modal insan yang memiliki integriti tinggi bagi mengekang perilaku yang kurang elok dalam diri.⁹ Tanpa modal insan, inisiatif baru dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh kerana faktor penggerak yang lemah iaitu faktor manusia.

Modal insan yang baik dan bermutu tinggi tidak sahaja memiliki upaya ilmu dan keterampilan yang bersifat semasa dan canggih, tetapi mereka juga perlu menitikberatkan kepentingan nilai etika sebagai asas kepada pengukuhan integriti. Suasana persekitaran pula terutama institusi masjid adalah memainkan peranan besar

⁴ Hamat, Mohd Fauzi, and Mohd Khairul Naim Che Nordin. "Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia)." *Journal of Al-Tamaddun* 7, no. 1 (2012): 75-76.

⁵ *Ibid.*, 76.

⁶ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 583, entri "integriti".

⁷ Mamputi, Misyadi, Poo Ben Tin, and Rahmah Ismail. *Pelaburan Modal Manusia Dan Perubahan Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan Di Malaysia*. (2012), 1007.

⁸ Abu al-Qāsim al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, ed. Ṭāriq 'Iwaḍ Allāh (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.), 1: 275.

⁹ Sari, Mutiara Dwi. "Pembangunan modal insan daripada perspektif Islam: Impak kepada pengurus." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 2, no. 1 (2017): 42-43.

dalam mewujudkan modal insan kerana institusi ini mempunyai pelbagai fungsi, baik dari aspek rohani dan jasmani yang boleh mendidik dan memberi pengalaman kepada seseorang memahami erti kehidupan berintegriti yang sebenar.

Peranan masjid dalam kehidupan umat Islam adalah sangat penting. Ia merupakan tempat mencorak generasi Islam dan tumpuan masyarakat Islam melakukan ibadah. Kerap kali juga diperkatakan masjid adalah rumah Allah SWT, menjadi tempat kegiatan masyarakat dalam melakukan pelbagai program yang berkaitan agama atau kemasyarakatan. Ia merupakan perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW setelah berhijrah ke Madinah adalah dengan membina masjid iaitu Masjid Qubā'. Dari masjid, bermulanya penyebaran dan pengukuhan syiar Islam yang berperanan sebagai pusat peribadatan, pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan umat dan lain-lain lagi aktiviti kemasyarakatan. Sesuai dengan peranannya sebagai tempat ibadat dan menyeru manusia kepada ketakwaan dan menjauhi kemaksiatan, masjid hendaklah dibangunkan atas dasar takwa kepada Allah SWT.

Walau bagaimanapun, masyarakat hari ini kurang faham dan tidak memberi sambutan menggalakkan terhadap fungsi masjid. Mereka hanya menganggap masjid sebagai tempat untuk ibadah tertentu sahaja. Sungguhpun demikian, ia boleh diluaskan skop pengimarannya kepada perkara yang lain seperti menjadikan sebagai satu pusat tarbiyah bagi melahirkan modal insan berintegriti yang sangat diimpikan oleh Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah menjelaskan konsep modal insan berintegriti, menganalisis peranan institusi masjid di Johor bagi membangunkan modal insan berintegriti dan menghuraikan cabaran yang dihadapi institusi masjid bagi melahirkan modal insan berintegriti. Pengumpulan data melalui kajian lapangan telah dilakukan pada Disember 2023 – Mac 2024 di sekitar negeri Johor Darul Takzim. Temu bual dijalankan secara semi struktur kepada setiap informan dalam memberi pandangan serta buah fikiran. Sebelum itu, semua informan telah memberikan izin untuk kajian dan kerahsiaan biodata adalah dirahsiakan bagi tujuan kajian. Selanjutnya, hasil temu bual dianalisis secara tematik bagi melicinkan perbincangan data.

Temu bual telah dijalankan bersama informan-informan yang berpengalaman dalam bidang agama dan pengurusan masjid dalam memahami konsep modal insan berintegriti dan peranan serta cabaran masjid Negeri Johor Darul Takzim secara khusus. Berikut dinyatakan latar belakang informan terlibat:

Informan 1 (Selepas ini dikenal sebagai W)

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan pernah menjawat jawatan Kadi Daerah selama 23 tahun di beberapa daerah dalam Negeri Johor seperti daerah Kota Tinggi, Pontian, Kluang dan Muar. Semasa menjadi Kadi Daerah, beliau secara langsung bertanggungjawab memantau pentadbiran dan pengurusan masjid Kerajaan, masjid kariah dan surau dalam daerah pentadbirannya. Selama menjawat jawatan sekarang, tugas beliau adalah mengetuai secara langsung pemantau pentadbiran dan pengurusan 2,780 buah masjid dan surau di seluruh negeri Johor Darul Takzim.

Informan 2 (Selepas ini dikenal sebagai X)

Bertugas sebagai Penolong Pengarah dan mengetuai Unit Khutbah dan Tafsir, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bagi

mengelola, menyusun dan menerbitkan pengisian khutbah serta menganalisis tafsir al-Quran dan diedarkan ke setiap daerah bagi tujuan agihan kepada setiap masjid dan surau di seluruh negeri Johor. Pernah menjawat jawatan sebagai Imam Daerah Johor Bahru selama 13 tahun. Semasa menjawat jawatan tersebut, beliau membantu Kadi Daerah menyelia dan memantau perjalanan pentadbiran masjid dan surau dalam daerah, selain daripada terlibat dengan program-program pembangunan modal insan yang melibatkan institusi masjid dan surau.

Informan 3 (Selepas ini dikenal sebagai Y)

Bertugas sebagai Penolong Pengarah dan mengetuai Unit Kariah Dan Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bagi mengelola, merangka dasar-dasar berkaitan masjid dan surau kariah seluruh negeri. Pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Kaunseling dan memangku tugas Imam Daerah Mersing selama 16 tahun. Semasa menjawat jawatan tersebut, beliau membantu Kadi Daerah menyelesaikan masalah-masalah kekeluargaan masyarakat Islam. Dalam masa yang sama, menyelia dan memantau perjalanan pentadbiran masjid dan surau dalam daerah, selain terlibat dengan program-program pembangunan modal insan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kekeluargaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

Informan 4 (Selepas ini dikenal sebagai Z)

Bertugas sebagai Penolong Pengarah dan mengetuai Unit Penerbitan Dan Semakan, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bagi menyemak bahan-bahan terbitan yang berunsur agama, menerbitkan pengisian bahan-bahan bacaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) untuk masyarakat dan menyiasat ajaran-ajaran sesat yang berleluasa di negeri Johor sekiranya terdapat aduan. Pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Pengarah dan mengetuai Unit Kariah Dan Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bagi mengelola, merangka dasar-dasar berkaitan masjid dan surau kariah seluruh negeri selama 10 tahun. Pernah menjawat jawatan sebagai Imam Daerah Pontian selama 10 tahun dan membantu Kadi Daerah menyelia dan memantau perjalanan pentadbiran masjid dan surau dalam daerah, selain daripada terlibat dengan program-program yang melibatkan institusi masjid dan surau.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa isu dalam pembinaan modal insan yang berkait rapat dengan penerapan akhlak terpuji bermula usia kecil sehingga remaja. Antaranya adalah masalah menentukan kaedah terbaik untuk melahirkan modal insan yang memenuhi tuntutan syariat Islam. Terdapat banyak karya dihasilkan oleh para sarjana berkaitan psikologi dan pembangunan jiwa yang banyak menyentuh tentang kepentingan ilmu dalam membentuk modal insan yang seimbang dunia dan akhirat. Antara tulisan Imam al-Ghazālī dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang menyatakan bahawa akal adalah tempat terbit dan terpancarnya ilmu. Ilmu terpancar keluar daripada akal seperti buah yang diperoleh daripada pokok, ibarat terbitnya cahaya gemilang daripada matahari. Akal yang dipandu ilmu berteraskan wahyu pasti membawa pemiliknya ke arah kebenaran dan menghindari daripada terjebak ke lembah maksiat dan kesesatan.¹⁰

¹⁰ Muhammad al-Ghazali, *Pekerti Muslim*, terj. Ismail Mohd Hassan, Siri 1 (Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1980), 99.

Dalam membicarakan mengenai pembentukan modal insan ideal, maka ia tidak lari daripada keberhasilan yang membawa kebahagiaan dan kejayaan di alam akhirat. Banyak kajian sarjana Barat yang menyentuh tentang kesan pembentukan modal insan yang hanya terbatas untuk kehidupan dunia serta impaknya terhadap pembentukan masyarakat dan negara, sedangkan Islam melangkaui sempadan itu. Setiap perbuatan manusia di dunia pasti ada balasannya di akhirat.¹¹ Sebelum melakukan sesuatu, manusia disuruh berfikir agar setiap keputusan yang diambil seiring dengan tuntutan wahyu. Inilah persoalan yang dapat ditimbulkan melalui kajian ini iaitu apakah indikator atau kayu ukur yang sesuai untuk menggambarkan kejayaan modal insan seseorang yang dapat memberi impak positif terhadap kehidupan dunia serta kebahagiaan hakiki di akhirat.

Sekiranya dilihat kemajuan Malaysia dalam pembangunan infrastruktur, negara telah mencapai tahap cemerlang apabila hampir semua kemudahan asas dapat disediakan dan dimanfaatkan oleh warganya. Justeru tidak hairanlah Malaysia menjadi tumpuan pelancong luar sama ada bertujuan untuk melancong atau dengan tujuan lain. Walau bagaimanapun, kemajuan materialistik turut memberi pengaruh buruk dengan peningkatan kadar jenayah di Malaysia. Jenayah rasuah menduduki kedudukan ketiga selepas jenayah indeks dan dadah. Pada tahun 2022, terdapat 243 kes salah laku rasuah dilaporkan sama ada yang melibatkan penjawat awam atau lain-lain antara bulan Januari hingga Februari sahaja. Pada tahun 2021, dilaporkan sebanyak 851 kes telah disiasat oleh SPRM. Kebimbangan terhadap jenayah rasuah ini menjadi aspek utama tumpuan kerana ia melibatkan penjawat awam yang diberi amanah dan tanggungjawab dalam mentadbir negara.

Dari perspektif Nabawi, hijrah Rasulullah SAW daripada Kota Mekah ke Kota Madinah pada 1445 tahun lalu telah menyaksikan tindakan bijak baginda Nabi Muhammad SAW melaksanakan pembinaan masjid seawal kedatangan baginda ke kota Madinah. Ia adalah pusat strategi dakwah Rasulullah SAW dalam memastikan survival Islam terus menyinar, mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar serta mengimplimentasikan pematuhan terhadap Piagam Madinah bertujuan memperkukuhkan jati diri dalam kalangan penduduk Madinah yang berbilang kaum ketika itu.

Namun kini, peranan masjid menjadi terhad apabila masyarakat hanya memandang fungsinya sebagai tempat ibadah semata-mata, malah lebih membimbangkan apabila sebilangan kaum Muslimin yang hadir ke masjid juga berkurangan disebabkan beberapa faktor. Antaranya kemudahan asas tidak sempurna, fungsi masjid terhad, masjid tidak mesra OKU, lokasi tidak strategik serta kurangnya aktiviti yang boleh menarik minat orang ramai untuk ke masjid sekaligus mengimarahkannya.¹² Menganggap masjid dan melabelkannya sebagai pusat ibadah semata-mata hanya akan mendatangkan persepsi buruk penganut agama lain terhadap Islam. Hal ini demikian kerana ajaran Islam meraikan kesempurnaan hidup di dunia yang akan membawa kejayaan abadi di akhirat. Justeru fungsi masjid tidak terhad sebagai tempat beribadah semata-mata, malah boleh dijadikan pusat komuniti, pusat pendidikan dan sebagainya.

Satu aspek yang perlu dilihat dalam institusi masjid ini ialah aspek pengurusannya. Pada umumnya masjid-masjid khususnya di negeri Johor bertambah

¹¹ Aleng, Pati Anak. *Transformasi pendidikan dan pembangunan modal insan*. (t.tp.: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2016), 11.

¹² Solehuddin Abd Hamid, Muhd Nizho, Mohd Sobhi, Solehuddin Ismail. 2021. Pengalaman Pengurusan Pentadbiran Masjid-Masjid Terbaik di Selangor. *Journal of Islamic, Social, economics and Development (JISED)* 6 (42): 72.

cantik, besar dan bertambah bilangannya, akan tetapi masih terdengar masalah-masalah yang berkaitan dengan pentadbiran masjid disebabkan oleh kelemahan dari aspek pengurusannya. Kritikan-kritikan tentang kelemahan pengurusan institusi masjid ini bukan hanya disebut oleh orang-orang awam, ahli kariah, para jemaah tetapi ia juga turut diakui oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri khusus Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Ini dapat dilihat di akhbar-akhbar tentang adanya laporan, bahan berita ataupun surat-surat pembaca yang disiarkan, menceritakan tentang kelemahan atau masalah yang timbul dalam institusi masjid. Oleh yang demikian, sebagai individu Islam yang cintakan institusi masjid ini, perlu melihat secara objektif beberapa masalah yang sering ditimbulkan sebagai salah satu usaha untuk memperbaiki kelemahan dan menyelamatkan institusi masjid.¹³

Kedudukan institusi masjid sebagai pusat pendidikan perlu mendapat pembelaan sewajarnya dan disokong terutama sekali apabila masyarakat sedang dilanda dengan pelbagai masalah, isu dan krisis moral, kerohanian serta akidah. Majlis-majlis ilmu yang disediakan mampu mengajak lebih ramai golongan remaja untuk ke masjid bukan hanya golongan dewasa atau orang pencen sahaja.¹⁴ Ilmu amat penting bagi melahirkan generasi berkualiti. Proses pembangunan modal insan dapat dijayakan dengan peningkatan ilmu pengetahuan.

Bagi menghadapi pelbagai masalah kerohanian, moral dan sosial, institusi masjid mempunyai potensi amat besar untuk menjadi solusi kepada pelbagai masalah ummah. Dalam mengurus masjid dan melahirkan generasi yang terbaik dengan keperibadian yang unggul, akan timbul beberapa cabaran yang perlu ditempuh oleh pihak pengurusan masjid dan surau dalam mencapai matlamat menjadikan masjid sebagai wadah penyatuan ummah dan melahirkan golongan berintegriti tinggi. Masjid merupakan universiti ummah yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan modal insan atau *ruhaniyyah* masyarakat. Sudah pasti masyarakat dan tamadun yang dibentuk mengikut acuan masjid adalah sesebuah masyarakat dan tamadun yang bukan sahaja mementingkan aspek-aspek bersifat fizikal dan material semata-mata, akan tetapi turut berpaksikan tauhid yang mantap.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian merangkum hasil penemuan yang diperoleh mengenai modal insan berintegriti. Melalui analisis data yang dikumpulkan daripada informan, pelbagai tema telah dikenalpasti yang memberikan pemahaman lebih mendalam tentang modal insan berintegriti, peranan dan cabaran institusi masjid dalam isu ini. Penemuan ini bukan sahaja mencerminkan perspektif individu mengenai integriti, tetapi juga mendedahkan cabaran dan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian melalui institusi masjid.

Bahagian A: Teoritikal Integriti

Bahagian ini menghuraikan segala data, maklumat dan idea yang telah diperoleh daripada informan-informan kajian berdasarkan kepada objektif pertama iaitu menjelaskan konsep modal insan berintegriti.

¹³ Burhanudin Jalal, "Pengurusan masjid, surau perlu berasaskan jemaah", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 28 Disember 2024, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/551547/pengurusan-masjid-surau-perlu-berasaskan-jemaah>

¹⁴ Kadir, Fakhru Adabi Abdul. "Keberkesanan kelas agama di masjid daerah Hulu Langat Selangor." *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 73-76.

Tema 1: Indikator Integriti

Bahagian ini memaparkan perspektif informan kajian berkaitan indikator integriti

Jadual 1: Indikator integriti

Indikator Integriti	W	X	Y	Z
Amanah	/	/	/	/
Jujur		/	/	
Bertanggungjawab		/		/

Sumber: Temubual Informan (Disember 2023 – Mac 2024)

Tema 2: Konsep Integriti

Bahagian ini memaparkan persoalan tentang konsep integriti terkait kefahaman dan keperluannya menurut informan kajian.

Jadual 2: Konsep integriti terkait kefahaman dan keperluannya

Konsep Integriti	W	X	Y	Z
Aspek Dalaman Dalam Diri	/	/	/	
Keperluan Terhadap Integriti	/	/	/	/

Sumber: Temubual Informan Kajian (Disember 2023 – Mac 2024)

Bahagian B: Peranan Institusi Masjid di Johor Bagi Membangunkan Modal Insan Berintegriti

Bahagian ini menghuraikan segala data, maklumat dan idea yang diperoleh daripada informan-informan kajian berdasarkan kepada objektif kajian kedua iaitu menganalisis peranan masjid di Johor bagi membangunkan modal insan berintegriti.

Tema 3: Konsep Masjid

Bahagian ini memaparkan kefahaman informan kajian terhadap konsep masjid

Jadual 3: Masjid dalam neraca al-Quran dan Sunnah menurut pandangan ulama

Konsep Masjid	W	X	Y	Z
Berperanan Besar Dalam Masyarakat	/			/
Berfungsi Mengikut Keperluan Masa dan Lokaliti		/		/
Dimakmurkan oleh Orang Beriman		/	/	

Sumber: Temubual Informan Kajian (Disember 2023 – Mac 2024)

Tema 4: Institusi Masjid Sebagai Pusat Tarbiyah

Bahagian ini memaparkan perspektif informan kajian terhadap institusi masjid sebagai pusat tarbiyah

Jadual 4: Institusi Masjid Sebagai Pusat Tarbiyah

Institusi Masjid Sebagai Pusat Tarbiyah	W	X	Y	Z
Berperanan Besar Dalam Masyarakat	/		/	/
Berfungsi Mengikut Keperluan Masa dan Lokaliti		/		/
Dimakmurkan oleh Orang Beriman		/	/	/

Sumber: Temubual Informan Kajian (Disember 2023 – Mac 2024)

Bahagian C: Cabaran Institusi Masjid Melahirkan Modal Insan Berintegriti

Bahagian ini menghuraikan segala data, maklumat dan idea yang telah diperolehi daripada informan-informan kajian berdasarkan kepada objektif kajian ketiga iaitu menghuraikan cabaran yang dihadapi institusi masjid bagi melahirkan modal insan berintegriti.

Tema 5: Cabaran Institusi Masjid Melahirkan Modal Insan Berintegriti

Bahagian ini memaparkan perspektif informan kajian mengenai cabaran masjid dalam melahirkan modal insan berintegriti.

Jadual 5: Cabaran Institusi Masjid Melahirkan Modal Insan Berintegriti

Cabaran yang Dihadapi Institusi Masjid Bagi Melahirkan Modal Insan Berintegriti	W	X	Y	Z
Cabaran Pengurusan	/			/
Cabaran Pengurusan Kewangan	/	/		/
Cabaran Khatib	/		/	/
Cabaran Remaja Masjid	/			/
Cabaran Penglibatan Jemaah	/		/	
Cabaran Program dan Penggerak Aktiviti Masjid	/	/	/	/

Sumber: Temubual Informan Kajian (Disember 2023 – Mac 2024)

Dalam tema pertama, output temubual mendapati indikator yang mengandungi makna dan merujuk integriti menurut semua informan kajian adalah sifat amanah, jujur dan bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara. Berdasarkan analisis merentas (*cross analysis*), semua informan memilih amanah sebagai indikator utama dalam mendefinisikan integriti. Manakala secara analisis mendalam (*in-depth analysis*), informan X, Y dan Z menambah indikator integriti termasuk jujur dan bertanggungjawab dalam mengulas mengenai integriti. Sedangkan informan W hanya memilih amanah sebagai satu sifat atau petunjuk yang sudah cukup mewakili makna integriti.

Pandangan informan secara lebih mendalam berkaitan amanah turut dirangkum dalam pernyataan-pernyataan oleh informan kajian. Malah keempat-empat informan kajian bersetuju bahawa mereka memahami amanah sebagai suatu elemen yang wajib dipelihara:

“(Amanah) menjadi asas dilaksanakan dalam konteks beribadah kepada Allah SWT. Malah dalam konteks seorang Muslim, seluruh aspek kehidupannya perlu dikaitkan dengan ibadah kepadaNya.” – Informan X

“Sifat amanah perlu diterapkan dan dipraktikkan oleh setiap individu bekerja. Ini bagi memastikan setiap pekerjaan yang dilakukan menepati matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan.” – Informan Y

“Menjaga amanah yang diberikan pastinya akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh.” – Informan Z

“Tidak peka terhadap amanah yang diberikan menyebabkan sifat tersebut semakin lama akan terhakis daripada keperibadian

manusia.” – Informan W

Berdasarkan input informan, amanah turut ditakrifkan sebagai setiap hal ehwal urusan yang dipercayakan kepada manusia bagi melaksanakan sesuatu perkara atau arahan. Orang-orang Islam yang beriman tidak perlu kepada pengawasan CCTV, akan tetapi cukup meyakini dan merasakan Allah SWT mengawasi setiap perilaku hamba-hambanya. Tindak tanduk perilaku manusia itu akan diperhitungkan satu per satu di hadapan Allah SWT di hari Kiamat kelak.

Semua informan bersetuju dengan amanah sebagai indikator yang mewakili integriti dan turut memberi maklum balas bahawa amanah itu sendiri membawa maksud suatu kepercayaan yang perlu dipelihara dan dijaga agar ianya tidak pudar dan berada pada tingkatan yang tinggi martabatnya. Dalam pada itu, merujuk kepada pemilihan indikator jujur oleh informan X dan Y, hal ini boleh dibuktikan dengan lontaran pandangan oleh informan kajian seperti berikut:

“Kejujuran merupakan salah satu sifat terpenting dalam keperibadian seseorang dan ianya akan menjadi penanda aras keimanannya.” – Informan Y

“Kurangnya nilai kejujuran dalam diri individu dan masyarakat yang akhirnya boleh memberi kesulitan kepada negara.” – Informan X

Secara lebih rinci, dapat difahami daripada kenyataan informan X dan Y bahawa kejujuran merupakan salah satu sifat terpenting dalam keperibadian seseorang dan sekaligus menjadi petanda keimanannya. Kejujuran dapat membuat seseorang dipercayai akan kebenaran ucapan dan sikapnya. Orang yang jujur tentu memiliki sifat-sifat terpuji lainnya, oleh kerana kejujuran merupakan cerminan akhlak *al-Karimah*.

Kejujuran juga penting dalam kehidupan bermasyarakat hari ini. Semua saling bergantung dan segala yang berlaku adalah tanggungjawab bersama. Bukan niat pengkaji untuk menutup minda masyarakat dengan nasihat berpandukan idea atau elemen tertentu tentang kejujuran tetapi nilai tersebut dilihat semakin hari semakin penting untuk diketengahkan.

Akhirnya merujuk kepada pemilihan indikator tanggungjawab oleh informan X dan Z, hal ini boleh dibuktikan dengan lontaran pandangan oleh informan kajian seperti berikut:

“Tanggungjawab adalah sebahagian daripada kehidupan atau erti kata yang lain bahawa setiap manusia pasti dibebani dengan sifat tanggungjawab sebagai fitrah kehidupan.” – Informan X

“Setiap individu dengan sendirinya memestikan dirinya untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan terhadap dirinya mengikut lumrah sebagai langkah pertama” – Informan Z

Dapat difahami daripada kenyataan informan X dan Z bahawa tanggungjawab adalah ciri-ciri manusia beradab dan berbudaya. Manusia bertanggungjawab terhadap setiap akibat baik atau buruk sesuatu perbuatan. Ia menyedari pula bahawa pihak lain memerlukan pengabdian atau pengorbanannya. Apabila diteliti lebih lanjut, tanggungjawab merupakan kewajipan atau beban yang harus dipikul atau dipenuhi kesan perbuatan seseorang kepada orang lain atau sebaliknya.

Secara keseluruhan, dapat difahami setiap manusia mempunyai tanggungjawab tertentu yang mesti ditunaikan untuk memperoleh kedamaian hidup, dunia dan akhirat.

Walau di mana mereka berada dan di zaman mana pun mereka hidup, mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab, sama ada sebagai sebagai pentadbir diri sendiri, ibu bapa, isteri, suami, anak, anggota masyarakat, rakyat kepada sesebuah negara ataupun paling tidak, sebagai hamba Allah SWT yang kerdil di muka bumi ini.

Merujuk tema kedua, hampir semua informan menyatakan perkara sama, yakni integriti merupakan aspek dalam dalam diri insan, tidak kira Muslim atau pun tidak. Hanya informan Z yang tidak mengaitkan integriti dengan aspek dalaman seseorang. Hal ini boleh difahami sebagaimana disebutkan oleh informan-informan kajian:

“Sikap baik yang wujud dalam diri seseorang atau pasukan atau organisasi.” – Informan W

“Satu standard kualiti dalam diri seseorang manusia yang mungkin lahir secara peribadi atau mungkin hasil daripada pendidikan yang betul terhadap diri seseorang.” – Informan X

“Sifat kekuatan dalaman yang berkaitan nilai-nilai yang baik atas kepercayaan yang dianuti.” – Informan Y

Dengan adanya integriti dalam diri, ia menjadikan seseorang layak dihormati dan dimuliakan. Malah sikap mulia yang sedia ada dalam diri sebagai unsur utama adalah hasil didikan yang betul dan kepercayaan yang dianuti, dipegang erat oleh seseorang agar tidak tersasar daripada konsep integriti yang sebenar.

Dalam erti kata yang lain, dapat difahami daripada hasil pandangan informan bahawa integriti adalah tertumpu kepada konsep idea berlandaskan aspek syariah, percambahan idea moden, mendatangkan contoh dan lebih kepada nilai etika Islam. Integriti merupakan satu nilai yang amat penting untuk diterapkan dalam setiap bidang. Sifat ini harus diutamakan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Melakukan tindakan yang betul, jujur dan bertanggungjawab tanpa mengira apa-apa sekalipun keadaannya.

Dalam pada itu, semua informan kajian memberi tanggapan yang sama bahawa integriti sangat perlu dalam kehidupan seseorang Muslim untuk melahirkan insan cemerlang oleh kerana ia mampu benteng daripada salah laku serta mengelakkan diri daripada terjerumus ke lembah kehinaan dan menterjemahkan perkara yang baik untuk dicontohi. Informan turut menyatakan keperluan untuk memahami integriti menurut neraca Islam. Hal ini boleh difahami sebagaimana disebutkan oleh informan-informan kajian, iaitu:

“Berpandukan pandangan ramai, integriti adalah faktor menganjurkan atau berkongsi sesuatu perkara yang baik.” – Informan W

“Tiada keperluan kepada pemangkin integriti sama ada pandangan Barat atau Timur.” – Informan X

“Barat menitikberatkan nilai murni adalah hasil ciptaan manusia semata-mata dan tidak berdasarkan kepercayaan atau pegangan agama.” – Informan Y

Kesimpulannya, setiap individu berperanan untuk mencegah daripada berlakunya salah laku atau perkara yang bercanggah dengan sifat fitrah manusia yang sinonim melakukan perkara-perkara kebaikan dengan menghayati dan menterjemahkan nilai integriti. Nilai integriti perlu terus disuburkan dan untuk menyuburkan nilai ini, pastinya aspek spiritual atau rohani perlu terus dijaga, dibelai

dan diberi makanan sepatutnya. Kegagalan untuk menjaganya akan menjadikan nilai ini lemah dan gagal untuk dijelmakan dalam tindakan dan perbuatan. Sebagai akibatnya, berterusan gejala-gejala negatif tanpa dibendung secara agresif, mungkin menjadi budaya hidup dalam masyarakat.

Berkenaan tema ketiga, informan W dan Z berpandangan bahawa masjid sebagai tempat suci yang wajib diimarahkan oleh umat Islam, tidak kira sama ada dalam hal ehwal keduniaan, mahupun ukhrawi. Ini termasuklah aspek pembangunan fizikal dan kerohanian setiap anggota masyarakat. Perkara ini sebagaimana dijelaskan oleh informan kajian:

“Al-Quran menyarankan agar masjid menjadi tempat bagi para pemimpin dan tempat umat Islam berkumpul. Nabi Muhammad SAW membangunkan masjid atas dasar taqwa, di dalamnya didirikan solat, dibacakan al-Quran dan dilantunkan zikir, diadakan pengajaran dan pembelajaran.” – Informan W

“Berfungsi sebagai pusat sosial setempat yang berperanan mengatur dan mengurus daripada aspek kerohanian sehinggalah kepada ekonomi terutama ahli masyarakat yang memerlukan bantuan atau mereka yang ditimpa musibah bencana.” – Informan Z

Di samping itu, informan X dan Z turut berpandangan bahawa konsep pengimarahkan masjid juga perlu difahami dari sudut menitikberatkan perihal fungsinya agar sentiasa diperkasa supaya bersesuaian dengan keperluan masa dan lokaliti tertentu. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh informan kajian:

“Masyarakat tidak seharusnya disempitkan dengan pemikiran bahawa masjid dan surau hanya untuk beribadah semata-mata sehingga menghadkan fungsi asasnya.” – Informan X

“Sebagai masyarakat Islam yang hidup dalam zaman moden ini, kita berperanan besar dalam memakmurkan masjid dan surau dengan menggunakan pendekatan yang lebih dekat dengan hati umat Islam khusus dalam pembentukan modal insan yang berintegriti.” – Informan Z

Akhirnya, informan X dan Y turut menyebutkan tentang perihal masjid yang sewajarnya dimakmurkan oleh orang-orang yang beriman. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh informan kajian:

“Allah SWT telah meletakkan syarat memakmurkan masjid itu adalah mereka yang memiliki ciri-ciri orang yang beriman, orang yang tetap mendirikan solat, orang mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut kepada sesiapa pun kecuali Allah SWT. Inilah kategori orang yang selayaknya menghidupkan dan memakmurkan masjid.” – Informan X

“Ayat yang menggambarkan bahawa, Allah SWT menyuruh hambanya memperbetulkan niat dan memakmurkannya hanya kerana mencari keredhaan Allah SWT semata-mata, tidak yang lain.” – Informan Y

Secara keseluruhan, kefahaman informan kajian terhadap konsep masjid dan

pengimarahannya adalah jelas dan dapat disimpulkan bahawa semua informan kajian mempunyai pengetahuan tentang perintah Allah SWT dalam mengimarahkan masjid serta ia mempunyai hubungkait dengan pembangunan modal insan yang diimpikan.

Tambahan lagi, pengimarahkan hendaklah mengikut kesesuaian tempat dan masa. Terdapat di antara informan kajian yang menyatakan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW dalam usaha memperkembangkan peranan masjid dan surau, bukan sahaja dilihat dari sudut fizikal, ibadah dan kerohanian sahaja, akan tetapi juga sebagai pusat kegiatan dan perkembangan intelektual masyarakat yang relevan bagi pembentukan masyarakat moden pada hari ini. Ini menunjukkan bahawa kepelbagaian kaedah perlu digunakan agar Muslim mempunyai pengetahuan yang baik terhadap konsep masjid dan pengimarahannya dalam Islam.

Membahaskan tema keempat, tiga informan menjelaskan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat (X, Y, Z) dan pendidikan akhlak (W, Y, Z). Manakala hanya dua informan yang cenderung hanya membahaskan masjid sebagai tempat belajar pendidikan Islam. Melalui analisis dalaman, informan Z menjelaskan dengan baik berkenaan martabat masjid sebagai pusat pendidikan akhlak, pendidikan Islam dan pusat pembangunan masyarakat.

Manakala dua informan lain (X, Y) masing-masing menjelaskan masjid secara dwi peranan, sama ada untuk pendidikan akhlak atau pun pendidikan Islam, tanpa menafikan sumbangan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat. Akhirnya, hanya satu informan, iaitu W yang membicarakan masjid secara peranan tunggal iaitu dalam pendidikan akhlak sahaja.

Mengenai masjid sebagai pusat pendidikan akhlak sebagaimana dijelaskan oleh informan W, Y dan Z, tidak dinafikan bahawa pendidikan akhlak sama penting seperti kualiti diri yang lain. Ia tidak berkembang dengan sendiri, malah perkembangan akhlak pada setiap individu Muslim adalah bersumberkan daripada agama Islam dan juga dipengaruhi oleh faktor bawaan dan faktor lingkungan. Menurut pakar psikologi, setiap manusia yang memiliki faktor bawaan, akan terpancar kemampuannya setelah dia dilahirkan, termasuklah kemampuan yang berkaitan dengan akhlak atau nilai-nilai yang baik.

Dalam pada itu, akhlak yang baik merupakan fitrah manusia yang mengalami proses pembentukan akhlak melalui landasan agama dan lingkungan persekitaran. Selain daripada itu, saranan yang dianjurkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa tujuan baginda diutuskan oleh Allah SWT adalah menyempurnakan akhlak yang mulia agar dapat diterapkan kepada umatnya.

Bagi informan kajian, akhlak memainkan peranan dalam mempamerkan personaliti muslim sejati. Hal ini boleh difahami bahawa masjid sebagai institusi utama pembinaan akhlak dalam masyarakat, wajar diambil manfaatnya. Informan kajian menyatakan bahawa pembinaan akhlak yang terbaik bagi melahirkan insan yang benar-benar berkualiti adalah melalui institusi masjid. Antara petikan kenyataan yang dirangkumkan adalah:

“Kepelbagaian ilmu yang dapat membentuk jati diri Muslim yang sejati.” – Informan W

“Masjid sebagai tempat penyebaran syiar Islam wajar diperkasakan fungsinya terutama sekali dalam pembinaan akhlak yang didambakan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.” – Informan Y

“Masyarakat menjadikan masjid sebagai rujukan dalam pembinaan akhlak dan sahsiah diri.” - Informan Z

Mengulas mengenai pernyataan informan X dan Z mengenai masjid sebagai pusat pendidikan Islam, dapat difahami secara dasarnya, akhlak hanya mencakupi situasi jiwa, bukannya situasi fizikal. Sebagai contoh seseorang yang memiliki kekayaan dari segi kewangan, mampu untuk mengeluarkan wang mengikut kehendaknya. Sekiranya didorong perasaan hawa nafsu, maka secara tidak langsung sifat-sifat *mazmumah* menguasai dirinya seperti sombong, riya' dan boros.

Oleh itu, didikan yang diperoleh melalui penghayatan Islam, ia adalah sebahagian daripada tuntutan. Individu yang terdidik melalui jalan Islam, memiliki sifat yang dipandu dengan iman dan akal seperti seorang yang dermawan, maka dia mudah untuk menahan dirinya daripada boros dan sebagainya, malah dia akan mengeluarkan wangnya untuk kebaikan dan kemaslahatan demi mendapat keredaaan yang Maha Esa.

Modal insan yang mulia menerusi pandangan Islam adalah merupakan hasil daripada penerapan syariat yang bertunjangan daripada pegangan akidah yang kukuh. Sebagai contoh ketika melihat sebuah bangunan, secara luarannya bangunan tersebut dapat didirikan berasaskan struktur konkrit yang kukuh. Akan tetapi bukan setakat konkrit saja yang kukuh, malahan dimahukan sebuah bangunan yang cantik dan tersergam indah.

Dalam masa yang sama, anggapkan bahawa sifat yang baik itu adalah tacapan kesempurnaan bangunan tersebut untuk kelihatan cantik dan baik. Samalah diri seseorang itu, sekiranya dihiasi dengan sifat yang baik, akan menjadi terbaik di sisi Allah SWT. Oleh yang demikian, tidak mungkin sifat yang begitu mulia wujud dalam diri seseorang sekiranya ia tidak memiliki akidah dan syariat yang benar.

Akidah yang benar terkesan daripada sikap dan perilaku seharian. Sebagai contoh, orang yang memiliki iman yang benar terhadap Allah SWT, ia akan melaksanakan segala titah perintah Allah dan menjauhi segala larangannya. Ia akan selalu membuat segala perkara-perkara yang baik untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dan menjauhkan dirinya daripada melakukan perkara yang buruk. Beriman dengan perkara-perkara yang seterusnya dalam tingkatan rukun iman menjadi teras bagi umat Islam menjadikan sikap dan perilakunya terkawal dan teradah kepada Allah SWT sehingga mewujudkan karakter yang mulia.

Hal yang sama juga terjadi dalam pelaksanaan hukum Islam dalam diri seseorang. Semua ketentuan dan pelaksanaan syariat Islam adalah bermula daripada wujudnya akhlak dan karakter yang mulia. Sekiranya seseorang itu mengerjakan solat, maka hikmah perilaku solat tersebut akan membawanya sentiasa peka dalam melakukan perbuatan yang benar dan terselamat daripada perbuatan yang keji dan mungkar.

Dalam hal ini, informan kajian mengakui bahawa fitrah masyarakat zaman sekarang masih memandang sinis dan berfikiran agak dangkal mengenai keberkesanan didikan dan penyebaran pengetahuan melalui institusi masjid, atau dalam erti kata yang lain masjid sebagai pusat pendidikan Islam yang hakikatnya bakal menyebabkan kesan syiar Islam dan fungsinya tidak dapat dihayati generasi masa kini dan akan datang. Mereka beranggapan bahawa mustahil usaha ini dapat dicapai kepada matlamatnya. Antara petikan temu bual tersebut adalah:

“Isu sekarang adalah orang beranggapan masjid tempat beribadah semata-mata. Tidak mahu berusaha mengimarahkan fungsi masjid kepada perkara yang lain.” – Informan X

“Pelantikan AJK masjid yang tidak berlandaskan kepada kepakaran dan hanya memenuhi pengisian jawatan yang kosong sahaja menyebabkan terbantut usaha melahirkan golongan pakar dalam kalangan pentadbiran masjid dan tiada individu yang berkualiti dari

segi akhlak dan kepakaran untuk dijadikan sebagai rujukan dan contoh.” – Informan Z

Akhirnya, apabila membicarakan mengenai masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat sebagaimana dinyatakan oleh informan X, Y dan Z, institusi masjid perlu berkembang untuk mengimbangi keperluan dan perkembangan masyarakat Islam seiring dengan peredaran masa dan perkembangan masyarakat serta pembangunan minda dan fizikal. Masjid-masjid yang berkedudukan strategik di negara ini perlu mengorak langkah bagi menampung dan memenuhi keperluan masyarakat. Bagi melaksanakan konsep masjid sebagai sebuah institusi, semua pihak harus mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan Islam yang merangkum semua kegiatan dunia dan akhirat.

Informan kajian berpandangan bahawa masa kini umat Islam terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang kurang sihat dan gejala yang boleh mengganggu gugat keutuhan keimanan umat Islam jika tidak dirawat dengan segera. Hal ini seperti kata pepatah Melayu “*mencegah lebih baik daripada merawat*”. Oleh sebab yang demikian, masjid-masjid khususnya di Johor dalam ruang lingkup kajian perlu berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah pembangunan kerohanian umat Islam agar mampu bersaing menghadapi kesan gejala globalisasi ini.

Dalam pada itu, pembangunan masyarakat tidak boleh hanya tertumpu kepada soal akhlak atau memfokuskan pada program-program keagamaan semata-mata, malah untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat yang terulung, masjid harus memahami kehendak masyarakat semasa. Dalam erti kata yang lain, segala aktiviti kemasyarakatan bermula di masjid sebagaimana masjid di zaman Rasulullah SAW. Aktiviti-aktiviti pembangunan sosial masyarakat diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama ahli kariah dengan institusi masjid.

Hal ini bermaksud bukanlah segala aktiviti dilakukan di dalam masjid, akan tetapi pihak masjid boleh menganjurkan sesuatu program kemasyarakatan dan diadakan di luar masjid. Contohnya masjid menganjurkan program sukan untuk remaja seperti pertandingan bola sepak, takraw dan sebagainya. Tidak menjadi suatu kesalahan jika sukan dianjurkan oleh masjid. Islam sendiri menggalakkan umatnya supaya beriadah, malah itu dapat mendekatkan remaja dengan masjid.

Selain daripada itu, dalam memenuhi keperluan masyarakat semasa supaya terus relevan, seharusnya masjid perlu menyediakan pelbagai kemudahan seperti kemudahan riadah, pusat rawatan kesihatan, pusat komuniti, pusat pendidikan atau kedai jualan barangan halal. Pihak pengurusan masjid boleh meluaskan program yang dianjurkan, akan tetapi jangan sampai mencemarkan kesucian masjid. Antara petikan daripada hasil temu bual informan kajian:

“Tingkatkan segala kemudahan-kemudahan yang ada di masjid agar mesra jemaah dan masyarakat.” – Informan X

“Idea-idea segar perlu diterjemahkan melalui perancangan yang betul dan tindakan yang cepat terutama yang berkaitan program-program selain program keagamaan.” – Informan Y

“Hubungan sosial yang baik dan mesra dengan masyarakat perlu ditonjolkan oleh pegawai-pegawai masjid dan juga pihak pengurusan masjid.” – Informan Z

Secara keseluruhan, masjid berpotensi menjadi satu institusi yang boleh dipercayai dalam melaksanakan aktiviti yang boleh membangunkan modal insan dan

kualiti umat Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan masjid boleh berperanan sebagai tempat ibadat, tarbiyah, *musyawarah*, sosial dan perlindungan dalam memantapkan institusi masjid untuk diterjemahkan fungsinya dan bersesuaian dengan penerimaan masyarakat. Malah, semua informan menyatakan peranan masjid ialah sebagai pusat pendidikan, pembangunan bakat masyarakat, penyelesaian masalah dan kebajikan Islam.

Cabaran utama bagi institusi masjid ialah ia datang daripada umat Islam itu sendiri. Masjid pada masa kini hanya digunakan untuk beberapa aktiviti sahaja. Contohnya solat Jumaat, solat hari raya Aidilfitri dan Aidiladha sahaja yang nampak umat Islam berpusu-pusu datang untuk menunaikan solat secara berjemaah.

Oleh itu, budaya sembahyang berjemaah perlu diterapkan supaya menjadi penyambung budaya yang baik pada masa depan. Dalam masa yang sama urusan hal ehwal masyarakat dapat dititikberatkan agar seiring bergerak dengan tuntutan Allah SWT dan tuntutan manusiawi. Khulasaahnya, masyarakat akan memandang tinggi kedudukan masjid dan pentadbirnya.

Merujuk tema kelima, didapati daripada analisis merentas bahawa bahawa cabaran program dan penggerak aktiviti masjid merupakan cabaran utama yang dihadapi pihak masjid bagi melahirkan modal insan berintegriti. Manakala bagi analisis mendalam, hanya informan W yang menyatakan mengenai setiap satu cabaran sebagaimana disenaraikan dalam jadual 5.

Mengulas cabaran pertama, yakni cabaran pengurusan sebagaimana dijelaskan oleh informan kajian W dan Z, salah satu krisis yang amat membimbangkan ialah dari sudut pentadbiran dan pengurusan masjid. Pada umumnya banyak masjid mengalami masalah pengurusan yang tidak mantap. Ini dapat dilihat dari sudut ahli jawatankuasa yang telah dilantik atau dipilih. Kelihatan seolah-olah kebanyakan masjid hanya diterajui oleh seorang atau dua yang benar-benar ingin berkhidmat, sedangkan ahli jawatankuasa yang telah dipilih atau yang dilantik itu agak ramai dan tidak berfungsi dengan kadar sewajarnya. Hal ini boleh difahami daripada petikan pandangan informan kajian:

“Kebanyakan AJK yang dilantik, tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masjid dengan berkesan. Dilihat hanya pengerusi serta seorang atau dua yang menjalankan amanah.” – Informan W

“AJK yang dilantik tidak memahami tugas yang digalas. Hanya sekadar melakukan tugas tanpa panduan yang jelas dan tidak mengikut peraturan apa yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama.” – Informan Z

Dalam pada itu, keadaan ini juga boleh berlaku disebabkan beberapa perkara:

Pertama: Terdapat dalam kalangan pengerusi atau nazir masjid yang tidak memahami serta tidak menguasai ilmu pentadbiran dan pengurusan organisasi.

Kedua: Tidak mempunyai carta alir tugas atau bidang tugas mengikut biro, unit atau jawatankuasa yang ditetapkan.

Ketiga: Banyak sumbangan tenaga, buah fikiran, masa terbuang dengan sia-sia disebabkan oleh pengurusan masjid dilakukan secara sambil lewa atau sekadar melepaskan batuk di tangga

Maka sebagai cadangan bagi memastikan pengurusan masjid ke arah yang lebih cemerlang, pihak berkuasa berkaitan boleh menyusun satu buku panduan pengurusan

masjid yang isi kandungannya boleh dimasukkan perkara-perkara berikut:

- Etika dan peranan pengurus dan AJK masjid
- Fungsi masjid zaman Rasulullah SAW
- Masjid sebagai pusat kecemerlangan umat
- Fungsi masjid masa kini dan akan datang
- Kepimpinan dan organisasi masjid
- Pengurusan masjid
- Kemudahan fizikal dan landskap masjid
- Pengurusan kegiatan dan pengimarah masjid
- Pengurusan kewangan masjid
- Kegiatan remaja masjid
- Komunikasi antara institusi masjid dan masyarakat

Di samping cabaran pengurusan, institusi masjid pada umumnya turut menghadapi beberapa masalah dari sudut kewangan, yakni:

Pertama: Masjid atau surau sememangnya tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

Kedua: Masjid mempunyai kewangan yang melimpah ruah, akan tetapi lebih suka disimpan dan tidak dimanfaatkan. Dalam erti kata lain, AJK masjid berbangga dengan jumlah RM yang disimpan dalam bank.

Ketiga: Pengurusan kewangan yang tidak cekap atau menyelewengkan dana.

Keempat: Hanya bergantung kepada satu sumber atau pihak ketiga untuk mendapatkan sumber kewangan.

Pada umumnya, rata-rata mengetahui bahawa untuk mengurus dan mengimarah masjid ke arah yang cemerlang, ia memerlukan dana atau jumlah kewangan yang agak banyak. Oleh yang demikian, institusi masjid tidak boleh hanya mengharapkan wang derma mingguan sebagai sumber kewangannya yang utama bagi membiayai pengurusan masjid atau untuk membiayai aktiviti masjid.

Kemungkinan juga terdapat individu yang bersedia untuk bersedekah atau memberi infak kepada masjid atau untuk menaja sebarang aktiviti masjid, namun demikian kemungkinan terdapat kelemahan dari aspek pengurusan kewangan masjid telah menyebabkan individu tersebut tawar hati untuk meneruskan niat baiknya itu.

Oleh yang demikian pihak pengurusan masjid perlu melihat secara jelas tentang betapa pentingnya aspek pengurusan kewangan masjid ini dilakukan secara bijak, telus dan berwibawa bagi mengelakkan beberapa kejadian buruk penyalahgunaan wang masjid seperti yang telah berlaku di beberapa buah institusi masjid beberapa tahun dahulu. Hal ini juga boleh difahami daripada petikan pandangan informan kajian W, X dan Z adalah:

“Perkembangan zaman teknologi masa kini banyak kaedah sumber pendapatan boleh dijanakan oleh AJK masjid atau surau dengan mengadakan pelbagai aktiviti. Jangan mengharapkan kepada kutipan mingguan atau bulanan sahaja. Adakala meningkat, adakala menurun.” – Informan W

“Sikap sinonim yang masih tidak berubah dalam kalangan AJK masjid dan surau, walaupun sudah silih berganti dengan AJK yang

lain adalah suka dan berbangga menyimpan duit sumbangan masjid atau surau dan tidak mahu menggunakannya untuk masalah masyarakat.” – Informan X

“Langkah pencegahan perlu diambil oleh pihak berkuasa agama agar setiap AJK yang dilantik mematuhi serta faham akan tugas masing-masing.” – Informan Z

Antara lain, isu khatib juga sering kedengaran. Terdapat beberapa masalah berhubung dengan khatib yang bertugas di masjid-masjid khususnya bagi menyampaikan khutbah Jumaat, khutbah raya Aidilfitri atau pun hari raya Aidiladha. Antara masalah yang timbul berhubung dengan persoalan khatib ini ialah dari segi kuantiti dan kualiti khatib yang berkhidmat di masjid. Jumlah khatib yang benar-benar berwibawa nampaknya tidak seiring dengan jumlah penambahan masjid dan jumlah orang-orang agama yang telah melepasi pendidikan Islam secara formal di institusi pengajian tinggi agama sama ada di dalam atau di luar negara. Kadang-kadang sesebuah kariah masjid itu gagal untuk melahirkan khatib anak tempatan dan sering kali mengimport khatib dari luar daerah dan akibatnya khatib tersebut menyampaikan khutbah yang tidak memenuhi cita rasa jemaah.

Dari segi kualiti khatib pula, terdapat masjid-masjid yang masih mengekalkan khatib yang agak lama dan uzur atas dasar orang tua dan lama. Namun apa yang berlaku adalah penyampaian yang tidak jelas, tidak menarik dan khutbah yang sama diulang-ulang sehinggakan jemaah boleh menghafal ayat demi ayat khutbah atau boleh mengagak apa yang hendak disampaikan oleh khatib.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini perlu melatih para khatib yang berwibawa. Tentunya tidak mempunyai masalah kerana ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang telah mempunyai kelulusan agama sama ada dari institusi pengajian Islam tempatan ataupun luar negara. Pihak pengurusan masjid juga perlu melatih dan mengenal pasti khatib dan bakal khatib dalam kalangan anak tempatan.

Aspek ini juga mungkin dapat diatasi dengan cara kerjasama dengan masjid-masjid di daerah atau masjid-masjid yang berhampiran. Jika isu khatib atau bakal-bakal khatib yang berwibawa ini tidak dilihat secara objektif, mungkin dilihat amat pesimis sekali, kerana amat sedih sekali kalau masjid-masjid akan terus mengekalkan khatib-khatib yang telah berusia dan bernada lama yang secara sengaja atau tidak, akan mengajak para jemaah terus sahaja lena dan bersetuju dengan apa sahaja yang diucapkan oleh para khatib.

Selain daripada itu, khatib juga perlu memahami tentang batas-batas tertentu seorang khatib sama ada dari segi bidang kuasa, kepakaran atau perkara-perkara yang ingin disentuh. Beberapa kejadian telah berlaku baru-baru ini, di mana khatib telah menyentuh perkara yang kebenarannya masih diragui dan boleh dipersoalkan. Terdapat juga khatib yang menyentuh soal politik, yang tentu sekali bukan di bawah pengetahuan dan maklumannya. Oleh yang demikian latihan dan pembentukan khatib yang berwibawa perlu dimulakan dari sekarang bagi memastikan khatib-khatib di masjid seluruh negara benar-benar berkhutbah dan bukan membaca khutbah. Hal tersebut boleh diperhatikan dalam petikan pandangan informan kajian W, Y dan Z adalah:

“Kekosongan Jawatan Khatib dan Imam Solat Jumaat adalah diisi oleh individu yang bukan berasal dari kariah tempatan menyebabkan tidak menepati citarasa kariah atau masyarakat tempatan.” – Informan W

“Khatib yang bertugas kebanyakannya agak lama dan uzur

menyebabkan kualiti penyampaian khutbah kurang berkesan dan tidak bersemangat.” – Informan Y

“AJK masjid perlu peka tentang pemilihan dan pencalonan imam dan khatib agar memiliki latar belakang agama yang mantap dan mengambil langkah mewujudkan pelapis pegawai masjid dalam kalangan warga kariah atau masyarakat setempat.” – Informan Z

Di samping itu, golongan remaja merupakan satu aset penting masyarakat, sekaligus merupakan salah satu tulang belakang dalam memakmurkan institusi masjid. Pada hari ini generasi muda nampaknya telah mula mendekati institusi masjid. Ini dapat dilihat daripada beberapa aktiviti yang telah dilakukan oleh masjid atau surau tertentu dan juga beberapa aktiviti yang dianjurkan secara berpusat seperti program Rakan Muda Masjid yang saban tahun diadakan anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) melalui pejabat-pejabat Kadi Daerah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan agensi-agensi kerajaan negeri yang diadakan pada setiap bulan Ramadan.

Namun demikian, golongan belia dan remaja yang terlibat dengan aktiviti masjid masih lagi pada tahap yang rendah. Ini dapat dibuktikan dalam program-program yang diadakan di masjid-masjid, bilangan golongan belia agak sedikit yang hadir sedangkan jumlah golongan belia dan remaja di sesebuah kariah itu besar sekali jumlahnya. Remaja masjid ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dan sebagai golongan dewasa perlu berusaha untuk merubah persepsi golongan remaja bahawa institusi masjid hanya untuk golongan tua sahaja dan tidak kepada golongan remaja.

Oleh hal yang demikian, golongan remaja perlu diberi tugas dan tanggungjawab untuk sama-sama memakmurkan masjid dan mereka perlu dididik dan dilatih untuk menjadi pengurus masjid sebagaimana dilakukan oleh golongan dewasa. Untuk itu beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh masjid perlu melibatkan golongan remaja dan jangan sesekali ditinggalkan. Wakil remaja atau golongan belia perlu turut sama menganggotai ahli jawatankuasa masjid.

Selain daripada itu, program-program untuk golongan belia perlu dilakukan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu seperti golongan belia yang telah bekerja, para pelajar menengah atas, kumpulan pelajar menengah rendah atau kumpulan belia-belia yang telah dewasa. Dengan mengenal pasti kumpulan-kumpulan belia dan remaja, sekaligus dapat mengenal pasti apakah aktiviti yang mereka sukai dan jika diadakan kelas pengajian sekalipun, bentuk dan sukatan pengajian dapat dilakukan dengan lebih jelas dan menjurus kepada keperluan mereka yang sebenar.

Satu lagi aspek yang penting ialah aktiviti untuk golongan belia ini tidak sekadar terarah kepada bentuk ceramah dan pengajian semata-mata, akan tetapi ia perlu turut menjurus kepada aktiviti luar yang asasnya tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Hal sama dapat diperhatikan daripada pandangan informan kajian W dan Z, iaitu:

“Penglibatan agensi agama dan agensi kerajaan yang lain amat perlu bagi kesinambungan mewujudkan program yang boleh menarik minat golongan belia dan remaja bagi sama-sama mengimarahkan masjid. Dalam masa sama, dapat mendidik dan membentuk sahsiah keperibadian unggul yang didambakan oleh Islam.” – Informan W

Dalam pada itu, informan Z turut mengambil berat tentang mengubah fikrah golongan remaja agar tidak dimomokkan dengan perkara-perkara yang negatif mengenai institusi masjid dan surau. Petikannya adalah:

“Elakkan fikrah bahawa masjid adalah tempat golongan warga emas sahaja dan tiada tempat bagi golongan remaja. Berikan peluang kepada golongan remaja agar dapat menonjolkan potensi diri bagi manfaat memperkasakan institusi masjid dan surau ke arah lebih gemilang dan cemerlang.” – Informan Z

Seterusnya, satu aspek yang sering kali menjadi keluhan pada ahli jawatankuasa masjid dan para pencinta Islam pada umumnya ialah soal penglibatan ahli kariah terhadap masjid. Pada umumnya penglibatan ahli kariah kepada masjid adalah amat rendah sekali. Penglibatan jemaah atau ahli kariah terhadap masjid amat hebat sekali khususnya apabila program yang bersifat perayaan seperti perayaan sambutan Maulidur Rasul, Maal Hijrah dan juga hari-hari kebesaran Islam yang lain seperti Hari Raya Korban, Aidilfitri dan juga bulan Ramadan, akan tetapi apabila hari-hari biasa khususnya sembahyang jemaah lima waktu, kuliah maghrib, kuliah subuh dan lain-lain kelas pengajian yang diadakan di masjid, jumlah kehadirannya amat sedikit sekali jika hendak dibandingkan dengan jumlah rumah dan ahli kariah masjid yang amat besar sekali bilangannya.

Pelbagai kaedah dan cara telah dibuat untuk menarik minat para jemaah hadir seperti menjemput penceramah yang terkenal untuk memberi kuliah, jamuan dan sebagainya telah jumlah kehadiran jemaah masih rendah. Oleh hal yang demikian, isu kehadiran jemaah ini juga perlu diselesaikan. Selain daripada memberi pendidikan, kesedaran dan tarbiyah serta muhasabah diri, pihak ahli jawatankuasa masjid juga perlu lebih aktif selain daripada meminta komentar, kritikan, atau pandangan ahli jemaah tentang apakah penilaian mereka terhadap masjid dan apakah harapan dan kemahuan mereka untuk sama-sama memakmurkan masjid. Barangkali perkara ini agak jarang berlaku dan oleh yang demikian kalau ini boleh dilakukan, mengapa tidak bermula dari sekarang dan mungkin ia boleh dibuat secara formal atau tidak formal. Hal yang sama dapat diperhatikan dalam pandangan informan kajian W dan Y:

“Walapun kemudahan masjid dan surau sudah berada pada tahap selesa dan moden, keterlibatan jemaah atau kariah setempat untuk mengunjungi masjid dan surau amat sedih. Segala usaha dan kemampuan telah dilaksanakan. Semua perkara ini berlaku asbab bertitik tolak kurangnya penghayatan masyarakat tentang keperluan mengunjungi rumah Allah SWT dan pelaksanaan ibadat di dalamnya.” - Informan W

“Pengurusan masjid atau surau kurang menggunakan pendekatan mengambil pandangan masyarakat atau kariah sekeliling Ini kerana mereka tidak berani menghadapi risiko dan menerima kritikan yang membina demi memajukan dan mengimarahkan institusi masjid.” – Informan Y

Selanjutnya, cabaran pengimarahkan dan pengurusan masjid turut wujud disebabkan tidak ramai individu atau orang-orang yang ingin secara sukarela bertindak sebagai penggerak masjid atau surau. Walaupun Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah mengambil inisiatif mewujudkan dan mengisi jawatan penggerak masjid di setiap peringkat DUN dalam Negeri Johor sebagai individu yang bertanggungjawab menggerakkan segala perancangan kerajaan negeri untuk syiar Islam khusus program-program yang melibatkan institusi masjid dan surau. Disebabkan tidak ramai orang yang boleh menjadi nadi atau penggerak di peringkat

masjid atau surau itu sendiri, maka jadilah institusi masjid sekadar menjadi pusat ibadat secara ritual semata-mata dan tidak lebih daripada itu, sedangkan institusi masjid perlu berperanan sebagai pusat kebudayaan, ekonomi dan kemajuan masyarakat seutuhnya.

Oleh yang demikian, dalam suasana semangat kecintaan Islam yang kian mendalam dan telah menyedari bahawa institusi masjid perlu ditempatkan ke taraf yang sewajarnya, serta pihak kerajaan telah membelanjakan ratusan juta ringgit untuk membina masjid dan kini barangkali giliran untuk memakmurkan masjid ke tahap yang lebih cemerlang dengan menjadikan pengurusan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi sebagai *benchmark* dalam pengurusan masjid. Informan kajian W, X dan Y turut memberikan penjelasan sama dalam hal ini iaitu:

“Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah mengambil inisiatif mewujudkan dan mengisi jawatan penggerak masjid di setiap peringkat DUN dalam Negeri Johor sebagai individu yang bertanggungjawab menggerakkan segala perancangan kerajaan negeri untuk syiar Islam.” – Informan W

“Pengurusan masjid atau surau itu sendiri tidak mengambil inisiatif melantik individu khusus dari kariah setempat bertanggungjawab menjadi penggerak masjid.” – Informan X

“Kerajaan telah melunaskan tanggungjawab bagi memelihara dan memulihara institusi masjid ke tahap yang sepatutnya mengikut kemampuan yang ada. Maka giliran pengurusan masjid dan masyarakat pula tuntutan tanggungjawab memperkasakan institusi masjid dan menberapkan roh penghayatan dalam kalangan setiap peringkat masyarakat.” – Informan Y

Maka dapat disimpulkan bahawa segala usaha dan program untuk membangunkan modal insan berintegriti akan mengharungi cabaran-cabaran sedia ada yang dihadapi oleh institusi masjid. Oleh sebab yang demikian, institusi masjid perlu terus diperkasa tanpa rasa jemu dan berputus asa khusus kepada mereka yang diberi tanggungjawab menjalankan amanah agar dapat mencapai objektif yang diharapkan. Sememangnya banyak liku dan ujian yang akan ditempuhi dan perlu kepada kesabaran dan kebijaksanaan untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul. Secara tidak langsung, ini akan menajamkan kepakaran mengurus dan mentadbir yang dimiliki oleh individu-individu daripada barisan saf pengurusan masjid atau surau. Semoga usaha yang dilaksanakan ini akan membuah hasil keterbukaan hati masyarakat sekeliling untuk mengimarahkan masjid dan menjadi satu platform khusus mendidik sahsiah yang terbaik serta mengundang keberkatan daripada Allah SWT Maha Pencipta.

KESIMPULAN

Pengimarahan masjid sebenarnya mempunyai hubungan erat dengan pembangunan modal insan berintegriti. Kesan program pengimarahan masjid memberi impak besar terhadap pembentukan sahsiah dan peribadi Muslim. Institusi masjid mempunyai peranan luas sebagai pusat pengajian agama Islam dan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat yang merangkumi semua bentuk kegiatan. Masjid perlu berfungsi dengan baik dan berkesan kepada umat Islam, bukan hanya sebagai tempat beribadah, akan tetapi juga sebagai pusat komuniti masyarakat Islam. Dengan inisiatif pembangunan modal insan dalam pelbagai aspek yang bersifat menyeluruh, berkualiti dan holistik, maka usaha dan pendekatan memartabatkan dan memperkasakan insan

berintegriti dapat dilaksanakan. Skop menyeluruh dan holistik ini bukan sahaja merangkumi disiplin ilmu dan kemahiran, malah ianya meliputi aspek pembangunan diri, minda, spiritual, peribadi dan etika moral.

Betapa pentingnya kewujudan modal insan berintegriti dalam kalangan masyarakat di akhir zaman ini yang penuh dengan seribu satu macam mehnah dan tribulasi. Tuntutan kepada melahirkan modal insan berintegriti ini hanya dapat direalisasikan dengan pembentukan sebuah organisasi kekeluargaan yang kukuh dan disokong dengan ciri-ciri beragama yang mantap. Tidak dinafikan walaupun sesebuah negara atau tamadun itu diiktiraf maju kerana pembangunan yang telah dicapai, namun secara hakikatnya modal insan yang hebat menjadi teras utama keberhasilan tersebut.

Institusi masjid pula dilihat sebagai satu pemangkin melahirkan generasi yang disebutkan di atas. Pengurusan masjid yang efisien mampu menarik minat umat Islam untuk datang dan mengimarahkannya tanpa mengira batas umur, status, gaya hidup serta bangsa. Selagi kalimah syahadah menjadi dasar akidah, maka segala perbezaan zahir tidak lagi menjadi halangan untuk mereka bersatu demi memastikan Islam dan syariatnya dipelihara sehingga ke hari kiamat. Diharapkan agar institusi masjid pada masa ini kembali menjadi institusi utama yang akan melahirkan modal insan yang berintegriti sebagaimana pernah dilakukan pada zaman Rasulullah dan para sahabat. Hebatnya masjid bukan dilihat pada struktur binaan dan kecantikan hiasan semata tetapi ia mampu menyumbang modal insan berintegriti yang mempunyai jati diri Islam yang sejati.

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini berdasarkan kepada pandangan informan kajian, maka wajarlah penambahbaikan dilaksanakan bagi tujuan kelancaran perjalanan kelas agama dan aktiviti kemasyarakatan di masjid atau pun surau. Contohnya mengadakan gotong royong di masjid, ada masjid yang jarang-jarang melaksanakannya. Ini mungkin disebabkan faktor kekangan masa atau komitmen ahli masyarakat terhadap program tersebut. Begitu juga ada masjid yang tidak menyediakan kemudahan khas kepada orang kurang upaya seperti kemudahan tandas khas dan parkir kereta.

Ada juga masjid yang kurang peka terhadap aduan kerosakan peralatan masjid, kritikan membina bagi melancarkan pentadbiran dan pengurusan masjid dan surau. Terdapat masjid atau surau yang kurang mengadakan program khas untuk belia dan remaja. Ada guru agama yang menyampaikan kuliah dan ilmu agama dengan menggunakan pendekatan yang kurang sesuai kepada masyarakat menyebabkan kurang faham ilmu yang disampaikan atau sampaikan kepada memecahbelahkan ukhwah ummah.

Untuk menarik minat ahli masyarakat ramai hadir ke masjid, maka beberapa cadangan dan saranan disyorkan agar pihak ahli jawatankuasa masjid dan surau mengambil perhatian. Antaranya ialah pihak masjid menggunakan dana kutipan derma untuk segera memperbaiki segala kerosakan yang berlaku di masjid. Pihak masjid digalakkan menyediakan kemudahan khas untuk orang kurang upaya. Hebahan program dan kelas agama tidak hanya dibuat di masjid bahkan diperluaskan ke kawasan perumahan berhampiran. Lebih menarik jika hebahan dibuat melalui radio, aplikasi WhatsApp, muka buku, intragram dan sebagainya. Program khas untuk belia, remaja, mulimat perlu ditambah.

Guru-guru agama digalakkan menggunakan kemudahan alat bantuan mengajar seperti laptop dan LCD. Pihak masjid dianjurkan menyediakan kemudahan perkhidmatan yang mermudahkan urusan masyarakat setempat. Dengan adanya kemudahan seumpama ini dapat menarik ahli masyarakat mendekati masjid. Pihak masjid juga digalakkan mengadakan cabutan bertuah bagi sesuatu program yang

dianjurkan. Secara tidak langsung akan menarik perhatian hadirin khusus menarik minat golongan muda untuk menyertainya. Semua usaha ini secara tidak langsung memupuk sahsiah ummah yang terbaik dan melahirkan generasi insan yang berintegriti selaras dengan matlamat masjid itu sendiri sebagai pusat kegiatan umat Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abu al-Qāsim al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, ed. Ṭāriq 'Iwaḍ Allāh, Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.
- Aleng, Pati Anak. *Transformasi pendidikan dan pembangunan modal insan*. t.tp.: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2016.
- Burhanudin Jalal, "Pengurusan masjid, surau perlu berasaskan jemaah", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 28 Disember 2024, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/551547/pengurusan-masjid-surau-perlu-berasaskan-jemaah>
- Hamat, Mohd Fauzi, and Mohd Khairul Naim Che Nordin. "Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia)." *Journal of Al-Tamaddun* 7, no. 1 (2012): 75-89.
- Kadir, Fakhru Adabi Abdul. "Keberkesanan kelas agama di masjid daerah Hulu Langat Selangor." *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 73-88.
- Kamus Dewan*, ed. ke-4, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.
- Mampusi, Misyadi, Poo Ben Tin, and Rahmah Ismail. *Pelaburan Modal Manusia Dan Perubahan Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan Di Malaysia*. (2012).
- Muhammad al-Ghazali, *Pekerti Muslim*, terj. Ismail Mohd Hassan, Siri 1, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1980.
- Sari, Mutiara Dwi. "Pembangunan modal insan daripada perspektif Islam: Impak kepada pengurus." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 2, no. 1 (2017): 40-52.
- Solehuddin Abd Hamid, Muhd Nizho, Mohd Sobhi, Solehuddin Ismail. 2021. Pengalaman Pengurusan Pentadbiran Masjid-Masjid Terbaik di Selangor. *Journal of Islamic, Social, economics and Development (JISED)* 6 (42): 68-78.